

WCOP 2018: UMS rangkul satu emas, tujuh perak dan satu gangsa

NST 28.7.2018 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengharumkan nama Malaysia apabila berjaya merangkul satu emas, tujuh perak dan satu gangsa pada Pertandingan World Championships of Performing Arts (WCOPA) 2018 yang berlangsung di Long Beach of Performing Arts, California Los Angeles, Amerika Syarikat baru-baru ini.

Pingat emas dimenangi pelajar Program Muzik, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Quenner Mitchell yang memainkan lagu irama jazz dalam kategori Muzik Instrumental Bambu.

Beliau turut meraih tiga perak dan satu gangsa dalam kategori yang sama masing-masing melalui irama terbuka, klasik, kontemporari dan genre hasil kerja asli.

Queener turut cemerlang dalam kategori Tarian Senior Berkumpulan dengan gandingannya pelajar dari Program Seni Kreatif FK-SW, Merald Omel Redick.

Persembahan mereka menerusi tarian etnik kreatif dan kontemporari berjaya menambat hati juri sekali gus meraih dua lagi pingat perak.

Dua pingat perak selebihnya diraih melalui seorang lagi pelajar Program Muzik FKSW UMS, Dayang Nurazreen Salbador dalam kategori Vokal.

Lagu bertajuk 'Kurniaan dalam Samaran'

untuk genre terbuka dan 'Something's Got a Hold on Me' bagi irama R&B memberi tuah kepada beliau sekali gus turut terpilih sebagai penerima biasiswa bernilai USD5000 beserta sijil dari CSM Words and Music, sebuah syarikat produksi yang berpusat di Los Angeles.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin dalam satu kenyataan turut merakamkan ucapan tahniah terhadap pencapaian tersebut yang disifatkan-nya sangat membanggakan.

"Ini merupakan satu kejayaan manis yang bukan sahaja mengharumkan universiti tetapi juga melonjakkan nama negara Malaysia khususnya negeri Sabah terus mendapat perhatian masyarakat dunia.

"Justeru, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menyumbang kepada kejayaan ini khususnya kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yang sentiasa memberi sokongan padu kepada pihak UMS," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Dr. Ismail Ali berkata, pencapaian itu bukan sesuatu yang mudah dicapai kerana mereka bersaing dengan peserta-peserta hebat yang turut mewakili negara masing-masing.



DEMIMU MALAYSIA... Quenner Mitchell (tepi kiri), Dayang Nurazreen (dua kanan) dan Merald Omel (tepi kanan) bergambar bersama bendera Malaysia, negeri Sabah dan bendera UMS berserta pingat yang dimenangi. Turut kelihatan Sarip Zainal (tengah) dan Norain Abd Razak (dua kiri).

"Saya percaya ia memerlukan latihan dan komitmen yang tinggi bukan sahaja daripada pelajar itu sendiri tetapi juga daripada jurulatih dan pnsyarah yang melatih mereka.

"Inilah yang kita akan sentiasa laksanakan di universiti ini iaitu mencungkil dan melatih bakat-bakat mahasiswa untuk diketengahkan sehingga ke satu tahap yang tertinggi," je-

lasnya.

Tiga peserta universiti yang bertanding mewakili negara turut diiringi dua staf UMS iaitu Norain Abd Razak dan Sarip Zainal Sagkif selaku koreografer tari.

WCOPA 2018 menyaksikan 74 negara telah mengambil bahagian dalam pertandingan yang berlangsung selama lapan hari.